

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf barang kelengkapan kerja pihak PDRM seperti komputer, perisian komputer, penghawa dingin, kerusi dan meja termasuk keperluan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memberikan kemudahan kelengkapan kerja yang lebih selesa kepada anggota pasukannya. Perkara ini meliputi menaik taraf barang kelengkapan kerja pihak PDRM seperti komputer, perisian komputer, penghawa dingin, kerusi, meja dan keperluan-keperluan lain.

Pada masa ini, PDRM sedang melaksanakan proses pengumpulan maklumat ke atas semua perkara tersebut yang melibatkan semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen bagi tujuan permohonan keperluan baharu dan penggantian peralatan yang telah melebihi jangka hayat. Semua maklumat yang dikumpulkan ini akan diperhalusi dengan teliti sebelum diangkat kepada pihak Kementerian bagi tujuan kelulusan.